

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 15 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13

## Inisiatif kerajaan tidak pinggirkan golongan M40

# Inisiatif kerajaan tidak pinggirkan golongan M40

**Kuala Lumpur:** Sejak negara dilanda krisis kesihatan dan ekonomi dua tahun lalu, ramai golongan M40 terhimpit dengan desakan kehidupan.

Kerajaan selain memberi perhatian lebih kepada golongan berpendapatan rendah atau B40, dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari lalu, tidak meminggirkan golongan pertengahan M40.

Pelbagai inisiatif dan ikhtiar direncana untuk meringankan beban sara hidup M40 yang merangkumi aspek kebajikan, kesihatan, sosial, perumahan dan pendidikan.

Antara inisiatif itu adalah kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan dua mata peratusan bagi kumpulan M40. Pengurangan cukai itu bertujuan membantu golongan itu dengan kenaikan kos sara hidup selain meningkatkan pendapatan boleh guna mereka.

Selain itu, terdapat pelbagai program peluang pekerjaan diperkenalkan dan beberapa galakan perniagaan yang disediakan untuk manfaat M40. Program peningkatan kemahiran turut ditawarkan dengan penyediaan elaun untuk peserta.

Inisiatif lain termasuk pe-

pasan cukai rawatan perubatan, bantuan membeli rumah pertama, pas bulanan pengangkutan My50, penekalan subsidi bekalan elektrik dan sebagainya.

Kakitangan awam yang hanya ingin dikenali sebagai Rokiah, 58, berkata M40 layak mendapat inisiatif terbabit.

Katanya, golongan M40 memerlukan bantuan itu sebab ramai antara golongan ini yang baru bekerja dan mempunyai tanggungan yang banyak sedangkan gaji diperoleh masih tidak cukup.

"Ramai M40 malu untuk mendapatkan bantuan sebab mere-

ka ada kerja, tetapi gaji sebenar hampir kepada gaji minimum.

"Berbanding golongan B40, sudah banyak mendapat bantuan kerajaan dalam semua aspek seperti perumahan, pembiayaan sekolah anak dan sebagainya.

"Keperluan dua kumpulan ini, iaitu B40 dan M40 adalah berbeza, kalau kerajaan tidak bantu, M40 boleh jadi B40," katanya.

Pekerja di sebuah syarikat swasta, Kanessha Ramakrishnan, 24, bersyukur dapat menikmati inisiatif yang kerajaan beri menerusi Belanjawan 2023.

"Inisiatif kerajaan ini membantu saya dari segi mampu

serba sedikit mengurangkan perbelanjaan dan mengalakkan penyimpanan untuk sebarang kecemasan.

"Saya rasa golongan M40 juga perlu diberi perhatian kerana golongan ini juga mengalami masalah kewangan kerana komitmen yang ditanggung seperti keluarga yang ramai, rumah, kereta dan sebagainya.

"Bagaimanapun, pendekatan terhadap golongan M40 sewajarnya berbeza, berfokuskan pengendalian kewangan, mengendalikan pinjaman dan sebagainya berbanding bantuan kewangan semata-mata," katanya.